

# MAINS bantu asnaf tingkat taraf hidup melalui pendidikan

**Seremban:** Dana zakat yang diterima Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) daripada syarikat korporat dan orang perseorangan membantu meringankan beban anak asnaf dan memberikan mereka peluang golongan berkenaan meraih kejayaan dalam pelajaran serta kehidupan.

Menerusi wang zakat diagihkan MAINS kepada keluarga asnaf ia membantu golongan ini meningkatkan taraf kehidupan menerusi pelbagai program termasuk dalam bidang pendidikan.

Pengerusi MAINS, Datuk Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir, berkata secara keseluruhan sebanyak RM98.1 juta dana zakat berjaya diagihkan kepada asnaf terdiri daripada fakir, miskin, mualaf, ibnu sabil, fisabilillah, amil dan gharimin bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM44 juta diserahkan kepada asnaf fisabilillah, RM22.2 juta (miskin), fakir (RM18.7 juta), amil (RM5.3 juta), gharimin (RM1.8 juta), mualaf

(RM5.6 juta) dan ibnu sabil (RM23,560).

“Zakat sudah semestinya berperanan penting dalam meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek kebajikan, kerohanian, sosial, pendidikan, ekonomi dan kesihatan seiring dengan maqasid al-syariah.

“Untuk itu, MAINS menyediakan pelbagai skim bantuan pendidikan bagi memastikan anak-anak asnaf ini mendapat peluang pendidikan yang setara dengan orang lain,” katanya kepada BH, selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Anak Asnaf dan Penyerahan Zakat Perniagaan di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, 11 syarikat korporat melaksanakan penyerahan lafaz akad zakat perniagaan kepada MAINS, yang membabitkan jumlah keseluruhan RM3.7 juta.

Abdul Aziz berkata, bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini, MAINS berjaya meraih kutipan zakat sebanyak RM67 juta.



Abdul Aziz (dua dari kiri) menyerahkan hadiah kecemerlangan kepada pelajar cemerlang UPKK 2023 sambil disaksikan Setiausaha MAINS, Zainal Said (kiri) di Seremban. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Beliau berkata, setakat ini seramai 4,345 anak asnaf, fakir dan miskin menerima bantuan am persekolahan disediakan untuk anak bersekolah pada peringkat rendah dan menengah serta pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Dari Januari hingga Julai 2024, seramai 327 anak asnaf fakir dan miskin menerima Bantuan Am Pelajaran, manakala seramai 4018 pula anak asnaf fakir dan miskin telah menerima Bantuan Persekolahan dan kelengkapan sekolah dari Januari hingga Mei 2024.

“Jumlah anak asnaf yang mengikuti Program Kerjasama Latihan dan Kerjaya tahun

2023-2024 pula adalah seramai 52 orang,” katanya.

## Jalin kolaborasi PTPTN

Katanya, MAINS telah menetapkan kadar bantuan bagi Bantuan Am Pelajaran mengikut peringkat pengajian iaitu sijil, diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah, manakala kadar bantuan am persekolahan pula mengikut peringkat rendah atau menengah.

Beliau berkata, MAINS turut menjalinkan kolaborasi dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam memberi sumbangan kepada pelajar cemerlang peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil

Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK).

Abdul Aziz menambah, MAINS turut melaksanakan Program Kerjasama Latihan dan Kerjaya Anak Asnaf dalam usaha membantu anak asnaf berkenaan mendapat latihan kemahiran bersesuaian bagi membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan.

Menurut beliau, program ini bertujuan untuk memberikan peluang yang lebih baik kepada golongan asnaf untuk keluar daripada kemiskinan melalui peningkatan kemahiran dan akses kepada pekerjaan berkualiti.

## MAINS bantu asnaf tingkat taraf hidup melalui pendidikan

Seremban: Dana zakat yang diterima Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) daripada syarikat korporat dan orang perseorangan membantu meringankan beban anak asnaf dan memberikan mereka peluang golongan berkenaan meraih kejayaan dalam pelajaran serta kehidupan. Menerusi wang zakat diagihkan MAINS kepada keluarga asnaf ia membantu golongan ini meningkatkan taraf kehidupan menerusi pelbagai program termasuk dalam bidang pendidikan. Pengerusi MAINS, Datuk Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir, berkata secara keseluruhan sebanyak RM98.1 juta dana zakat berjaya diagihkan kepada asnaf terdiri daripada fakir, miskin, mualaf, ibnu sabil, fisabilillah, amil dan gharimin bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini. Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM44 juta diserahkan kepada asnaf fisabilillah, RM22.2 juta (miskin), fakir (RM18.7 juta), amil (RM5.3 juta), gharimin (RM1.8 juta), mualaf (RM5.6 juta) dan ibnu sabil (RM23,560). “Zakat sudah semestinya berperanan penting dalam meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek kebajikan, kerohanian, sosial, pendidikan, ekonomi dan kesihatan seiring dengan maqasid al-syariah. “Untuk itu, MAINS menyediakan pelbagai skim bantuan pendidikan bagi

memastikan anak-anak asnaf ini mendapat peluang pendidikan yang setara dengan orang lain,” katanya kepada BH, selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Anak Asnaf dan Penyerahan Zakat Perniagaan di sini, baru-baru ini. Pada majlis itu, 11 syarikat korporat melaksanakan penyerahan lafaz akad zakat perniagaan kepada MAINS, yang membabitkan jumlah keseluruhan RM3.7 juta. Abdul Aziz berkata, bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini, MAINS berjaya meraih kutipan zakat sebanyak RM67 juta. Beliau berkata, setakat ini seramai 4,345 anak asnaf, fakir dan miskin menerima bantuan am persekolahan disediakan untuk anak bersekolah pada peringkat rendah dan menengah serta pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. “Dari Januari hingga Julai 2024, seramai 327 anak asnaf dan miskin menerima Bantuan Am Pelajaran, manakala seramai 4018 pula anak asnaf fakir dan miskin telah menerima Bantuan Persekolahan dan kelengkapan sekolah dari Januari hingga Mei 2024. “Jumlah anak asnaf yang mengikuti Program Kerjasama Latihandan Kerjayatahun 2023-2024 pula adalah seramai 52 orang,” katanya. Jalin kolaborasi PTPTN Katanya, MAINS telah menetapkan kadar bantuan bagi Bantuan Am Pelajaran mengikut peringkat pengajian iaitu sijil, diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah, manakala kadar bantuan am persekolahan pula mengikut peringkat rendah ataumenengah. Beliau berkata, MAINS turut menjalinkan kolaborasi dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam memberi sumbangan kepada pelajar cemerlang peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK). Abdul Aziz menambah, MAINS turut melaksanakan Program Kerjasama Latihan dan Kerjaya Anak Asnaf dalam usaha membantu anak asnaf berkenaan mendapat latihan kemahiran bersesuaian bagi membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan. Menurut beliau, program ini bertujuan untuk memberikan peluang yang lebih baik kepada golongan asnaf untuk keluar daripada kemiskinan melalui peningkatan kemahiran dan akses kepada pekerjaan berkualiti.

[\(20240812 N60 BRH NA 17 FC 6900132024081201010101017 7GD8QPEBN S3RVFQPMK0.JPG \(3056x2075\) \(nama.com.my\)\)](https://www.nama.com.my/2024/08/12/N60_BRH_NA_17_FC_6900132024081201010101017_7GD8QPEBN_S3RVFQPMK0.JPG(3056x2075))